



14 Februari 2013  
14 February 2013  
P.U. (A) 48

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2013

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2013.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 14 Februari 2013.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubungan dengan mana-mana Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sehingga dua bilion lima ratus juta ringgit (RM2,500,000,000.00) ("Program IMTN") oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ("Penerbit") termasuk, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubungan dengan jaminan ("Jaminan") yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, yang kena dibayar oleh—

- (a) Penerbit, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) 2004 [P.U. (A) 408/2004];
- (b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam; atau
- (c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubungan dengan Nota Jangka Sederhana Islam, Program IMTN atau Jaminan, termasuk mana-mana pihak yang kepadanya